

Pekerja MPPP guna bot bersih sampah perairan Pulau Pinang

? Apakah tindakan diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menangani masalah pencemaran sampah yang berlaku di perairan Pulau Pinang termasuk muara Sungai Pinang. Situasi ini menimbulkan rasa tidak selesa kerana setiap hari, orang ramai termasuk pelancong yang menaiki feri atau Jambatan Pulau Pinang melihat dengan jelas sampah-sarap di pesir pantai apabila air laut surut.

Afiq Affandi
Georgetown

! Sebenarnya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mempunyai tiga kakitangan yang menggunakan bot bagi melakukan kerja membersihkan perairan bermula jam 8 pagi hingga jam 5 petang setiap hari. Sampah sarap yang dikumpulkan mencecah 30 tan sebulan dengan anggaran dua tan sampah-sarap terpaksa dikutip setiap hari bagi mengurangkan kesan pencemaran.

Berhubung pembersihan



Sampah-sarap di muara Sungai Pinang **menjejaskan imej** negeri tumpuan pelancong.

[FOTO SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR| BH]

muara Sungai Pinang, kita sudah menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan dimaklumkan penambahan mendapan menyebabkan sampah kayu kayan terperangkap. Ia akan

dibersihkan melalui pelawaan sebut harga dalam masa terdekat.

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat MPPP